

18/03/1998

Sistem awasi Selat Melaka mula minggu depan

KUALA LUMPUR, Selasa - Sistem Pengawasan Maritim (MSS) yang membabitkan liputan menyeluruh perairan Selat Melaka menerusi sembilan radar strategik di sepanjang pantai Semenanjung akan beroperasi sepenuhnya minggu depan.

Sistem canggih berharga kira-kira RM100 juta itu membolehkan pengawasan terperinci dilakukan terhadap semua kapal yang menggunakan selat berkenaan, sekali gus meningkatkan keselamatan maritim.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata sistem itu mampu mengesan semua jenis kapal yang menggunakan Selat Melaka dan memastikan mereka mematuhi peraturan maritim, sekali gus mengurangkan pelanggaran kapal di perairan itu.

Beliau berkata, kemampuan mengesan itu akan turut membantu mengurangkan kegiatan pelbagai kegiatan haram termasuk penyeludupan barangan dan pekerja asing serta pembuangan sisa minyak ke perairan negara.

Menurutnya, sistem itu dijangka dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 27 Mac ini. Selat Melaka adalah antara laluan paling sibuk di dunia dengan kira-kira 200 kapal belayar merentasinya setiap hari.

"Menerusi radar berkenaan, pengawal boleh melihat kedudukan terkini kapal di Selat Melaka dan menentukan haluan dan jarak di antara kapal di perairan berkenaan.

"Jika kapal berkenaan berada dalam kedudukan untuk berlanggar, pengawal boleh memberi amaran dan mengelakkan berlakunya kemalangan," katanya selepas merasmikan Forum Persatuan Industri Maritim Malaysia (Amim) di sini, hari ini.

MSS merangkumi stesen radar di Tanjung Kemarung, Langkawi; Pulau Angsa, Bukit Jugra dan sebuah rumah api di One Fathom Bank, Selangor; Tanjung Tuan dan Pulau Undan di Melaka; dan Bukit Segenting, Tanjung Piai dan Bukit Penggerang di Johor.

Selain sembilan stesen radar, ia merangkumi sebuah pusat kawalan di Lumut dan kemudahan sokongan iaitu dua unit radar dan komunikasi radio di Klang dan Johor.

Menerusi sistem berkenaan, hubungan dua hala boleh dijalankan antara pusat kawalan dan kapal yang melalui Selat Melaka sekaligus membolehkan pertukaran maklumat mengenai ancaman di laut.

Pemasangan MSS dilaksanakan oleh sebuah syarikat swasta, SCM Integrated Sdn Bhd iaitu sebuah syarikat usaha sama di antara Syarikat Sumber Perkhidmatan dan Perhubungan Sdn Bhd dengan sebuah Konsortium Kanada, merangkumi CANAC International, Microtel dan Raytheon.

Sistem itu ditempah pada 1994 dan syarikat terbabit mengambil tempoh 29 bulan untuk memasang, mengintegrasikan dan menggerakkan keseluruhan sistem berkenaan.

(END)